

000082

R EB 07-10 00160 BB021

aab

DEMOKRASI ADA IIAD, KATAMAHATHIR

MEA - Mahathir (Demokrasi)

I

KUALA LUMPUR, 7 Okt. (Bernama) -- Demokrasi hanya boleh berjaya sekiranya rakyat dan kerajaan menerima hakikat bahawa tidak ada mereka mempunyai batas, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

+Untuk berjaya, rakyat perlu menyedari hakikat bahawa kerajaan pun tidak boleh mempunyai keupayaan yang tidak terhad untuk bertindak bagi menyediakan segala keperluan bagi mereka.

+Jawapan kepada perkara itu ialah bukan dengan menjatuhkan sesuatu kerajaan, tetapi membantunya mencapai satu proses demokrasi dengan memberikan masa yang secukupnya untuk berbuat sesuatu, + katanya pada persidangan akhbar selepas merasmikan mesyuarat tie-23 Menteri. Ekonomi Asean di sini hari ini.

Ketika diminta mengulas mengenai ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, untuk memastikan pengaliran proses demokrasi yang berkesan, rakyat mesti memahami mengenai perjalanan demokrasi dan batas-batasnya.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir telah menegaskan mengenai perlunya untuk memahami batas-batas kebebasan demokrasi. --Lagi

♥07/10/15-43MST

CNS4893

R EB 07-10 00097 BB022

aab

MEA - Mahathir (Demokrasi) 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Sambil memberi contoh Soviet Union dan negara-negara Eropah Timur, beliau berkata keadaan disana telah menjadi bertambah buruk walaupun mereka telah menerima demokrasi dan sistem pasaran bebas.

+Soviet Union, sebagai contoh, kini menghadapi masalah kekurangan makanan yang lebih teruk, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga melahirkan kebimbangan mengenai langkah untuk mengaitkan perdagangan dengan persoalan demokrasi.

Beliau berkata sesuatu negara yang dikatakan mengamalkan sistem tidak demokratik oleh sesetengah kumpulan mungkin kehilangan beberapa keistimewaan ekoran penglabelan itu. -- Bernama

♥07/10/15-52MST